

**ARAHAN SEMASA**  
**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) BERDASARKAN SITUASI SEMASA**  
**COVID-19**  
**KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD. (KPTMSB)**

Berikutan peningkatan kes Covid-19 dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 27 September 2020 dan 2 Oktober 2020, maka pihak Pengurusan KPTMSB bersetuju memutuskan perkara seperti berikut:

**A. PELAJAR SEMASA SESI JULAI I 2020**

- 1) Pelajar yang mengikuti mod PdP secara bersemuka dikehendaki pulang ke kediaman ibubapa/penjaga masing-masing semasa minggu ulangkaji **KECUALI** pelajar yang pulang ke kawasan yang dikenalpasti sebagai **Zon Merah**.
- 2) Pelajar dari kawasan zon merah dibenarkan tinggal di asrama kampus cawangan sepanjang minggu ulangkaji dan minggu Peperiksaan Akhir. Namun begitu, pelajar dikehendaki mendapatkan kebenaran pihak kolej untuk urusan berkenaan. Pelajar dari kawasan zon merah hanya dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing setelah dibenarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 3) Pelajar adalah digalakkan mengambil Peperiksaan Akhir secara online di rumah atau kediaman masing-masing. Walaubagaimanapun, pelajar mod PdP bersemuka dibenarkan pulang ke kampus untuk mengambil Peperiksaan Akhir secara online di kampus dengan syarat pelajar tidak berasal atau datang dari kawasan zon merah.

**B. SESI NOVEMBER 2020**

- 1) Semua Pelajar Kanan akan menjalani PdP secara online.
- 2) PdP online akan dilaksanakan sehingga 31 Disember 2020 ATAU sehingga satu ketetapan lain yang dibenarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau *Malaysian Qualification Agency* (MQA).

**C. PEMBELAJARAN TERADUN (*BLENDED LEARNING*)**

Bermula 1 Januari 2021, PdP akan dijalankan secara **Pembelajaran Teradun** (*Blended Learning*) bagi semua pelajar.

**D. PELAJAR DARI SABAH DAN SARAWAK**

Pelajar yang berasal dari Sabah dan Sarawak adalah dibenarkan untuk terus berada di kediaman kolej masing-masing dan meneruskan sesi pengajian November 2020. Namun begitu, pelajar dikehendaki mendapatkan kebenaran pihak kolej untuk urusan berkenaan.